

24 NOV 2000
ASEAN-SIDANG KEMUNCAK
PARA PEMIMPIN ASEAN BERMESYUARAT

Oleh: Mohd Arshi Daud

SINGAPURA, 24 Nov (Bernama) -- Para pemimpin 10 negara anggota Asean memulakan perbincangan di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Ke-Empat pagi ini untuk menentukan hala tujuan perkumpulan itu dalam era pasca krisis Asia.

Perkumpulan yang telahpun berusia 33 tahun kini mengalami saat-saat getir dan tertekan untuk menyampaikan isyarat-isyarat yang betul bagi menunjukkan ia mampu bertindak secara bersama selepas kehilangan seri disebabkan krisis dan peralihan politik di dalam sesetengah negara anggota.

Topik yang diberi keutamaan para pemimpin itu ialah penyatu paduan ekonomi dan pakatan rangka kerja untuk mempercepatkan e-dagang di kalangan negara anggota.

Menteri-menteri luar dan ekonomi Asean yang bertemu semalam untuk memperhalusi mesyuarat para pemimpin berkenaan telah menetapkan satu agenda yang boleh diutara serta disahkan oleh para pemimpin itu.

Ini termasuklah projek keretapi Singapura-Kunming, yang mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi taklimat kepada para pemimpin kelak.

Malaysia telah mempengerusikan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji kemungkinan projek yang bernilai RM9.5 bilion itu.

Isu-isu lain termasuklah cadangan China untuk membina lebuh raya yang menghubungkan Bangkok dan Kunming, kerjasama lebih erat China-Asean, masalah HIV-AIDS, tata cara Laut China Selatan, keselamatan am dan perakuan-perakuan oleh kumpulan orang-orang ternama.

Menjelang tengah hari pula, para pemimpin dijadualkan memeterai Perjanjian Rangka Kerja e-Asean yang meliputi isu-isu seperti liberalisasi, merapatkan jurang penguasaan pengetahuan digital (digital divide) dan kerjasama antara kerajaan dalam menyeragamkan undang-undang dan penandatanganan digital untuk perdagangan.

Anggota-anggota Asean terdiri daripada Brunei, Kambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, tuan rumah Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA
MAD MR MA